



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	10/4/2021	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	KeTSA / JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Sinar Harian 10/4/2021 m/s 26

Tukar aktiviti pembalakan kepada ekopelancongan

BACHOK - Kerajaan negeri Kelantan diminta melakukan perubahan dengan menukar aktiviti pembalakan kepada ekopelancongan dalam usaha memulihara kawasan hutan di negara ini.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, pihaknya akan terus memberikan galakan kepada kerajaan negeri dalam merencanakan aktiviti berkenaan tanpa melakukan

penebangan pokok.

“Tujuan utama kita ialah mengurangkan kebergantungan hasil negeri melalui aktiviti pembalakan hutan semata-mata.

“Sebaliknya, kita mahu kerajaan negeri jadikan hutan sebagai satu aktiviti yang mampu menjana pendapatan,” katanya kepada pemberita ketika Program Penanaman Pesisiran Pantai dan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di Pantai Senok di sini pada Jumaat.

Shamsul Anuar berkata, banyak kawasan hutan di negara ini telah berjaya menjana pendapatan lebih tinggi berbanding aktiviti pembalakan menerusi ekopelancongan.

Dalam perkembangan lain, Shamsul Anuar berkata, kerajaan Persekutuan dan negeri akan sentiasa bekerjasama dalam memantau aktiviti pembalakan haram di negara ini.



Shamsul Anuar (dua dari kanan) menyiram pokok ru yang ditanam sebagai simbolik perasmian pada Program Penanaman Pesisiran Pantai dan Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di Pantai Senok, Bachok pada Jumaat.